



**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA
MAJLIS PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI
& IFTAR KDN MADANI**

14 APRIL 2023 (JUMAAT)

**SEKOLAH LATIHAN ASAS KEPOLISAN (SLAK),
SUNGAI PETANI, KEDAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera.

Alhamdulillahilladzee arsala rosulahu bil huda waa dinil haq. Liyuzhhirohu 'alad dini kullihi.

Wa kafa billahi syahida.

Wassalatu wassalamu 'ala saidina muhammadin asrafil mursalin, Wa 'ala alihi wasahbihi ajma'in.

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail,

Menteri Dalam Negeri;

YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari Bin Abdul,

Yang Di-Pertua Dewan Rakyat;

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi,

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri;

IG Tan Sri Acryl Sani Hj. Abdullah Sani,

Ketua Polis Negara; dan

Tetamu yang dihormati sekalian.

Ini kali kedua saya disambut begitu ramai oleh pegawai-pegawai polis kanan dan apabila saya melihat ramai polis, gerun saya masih ada lagi (ini gurau-gurau sahaja).

1. Terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) kerana membuat sambutan yang sangat permai pada petang ini. Kita kini berada di akhir Ramadan dan dalam akhir Ramadan itu seharusnya kita menumpukan kepada upaya menambah kegiatan amal. Selain daripada terawih, bermunajat dan qiamullail di masjid, mendekati Al-Quran adalah amal ibadah. Kita sedia maklum bahawa di bulan Ramadan inilah turunnya Al-Quran. Maka khasiatnya itu besar untuk kita membaca, mengamal, menghayatinya.

Shahru Ramadaanallazeee unzila feehil Qur'aanu, hudal linnaasi wa baiyinaatim minal huda wal furqaan

2. Jadi mudah-mudahan sebagai mukadimah, adalah tanggungjawab kita bersama untuk memperingatkan masing-masing dalam apa jua kesibukan, kita harus mencari waktu dan jalan untuk membaca, menelaah,

mendengar dan cuba menghayati Al-Quran, Insha-Allah.

3. Kita memperkenalkan MADANI ini kerana ia sebagai satu konsep, tidak hanya tentang pembangunan atau mutu pendidikan dan kesihatan tetapi menekankan soal nilai. Walaupun negara berkembang dan maju, tetapi manusia tidak boleh terlepas daripada pertimbangan nilai dan akhlak. Seperti mana yang saya sering sebut, negara kita ini telah mencatat sedikit sebanyak kejayaan tetapi terhambat dengan beberapa kekangan.
4. Antara kekangannya adalah usaha-usaha untuk memecahbelahkan, sama ada tarikan perkauman yang sempit atau fahaman agama yang sangat jumud, sehingga membawa kepada permusuhan dan tidak berupaya memahami bahawa Malaysia ini mempunyai kekuatan Islam sebagai Agama Persekutuan, walaupun majoritinya umat Islam tetapi harus merangkul semua penduduk dan kekuatan negara.
5. Sebab itu kita tekankan soal kemampuan atau *sustainability*, disamping aspek nilai. Kalau kita bercakap soal pembangunan tetapi di samping itu kita biarkan bukit bukau diredah, balak ditebang tanpa kawalan, ini bertentangan dengan maksud *sustainability* atau

kemampuan yang disebut kerana ini membawa kepada fasad dalam dunia yang akan membawa kepada kerosakan.

6. Sebab itu, dalam mempertimbangkan soal nilai ini, kita membicarakan soal *governance* dan tatakelola, negara mampu diangkat semula dan saya mengucapkan terima kasih kepada keluarga Kementerian Dalam Negeri yang mempunyai peranan penting dalam menjamin keselamatan negara bersama-sama dengan Angkatan Tentera.
7. Benar negara mencatat pertumbuhan, benar negara dapat mengadakan pilihan raya bebas, benar kita boleh hidup dengan selesa tetapi jangan kita lupa bahawa ini kerana berkat keamanan yang kita capai dan tonggak pasukan keselamatan terutamanya polis mempunyai peranan dan saya berasa bertanggungjawab untuk sentiasa mengingatkan, mengucapkan *Jazakumullah khairan*, setinggi-tinggi penghargaan kepada khidmat mereka.
8. Kita kaitkan pembangunan ini dengan ehsan, amanah dan rahmah kerana kita tahu bahawa kekuatan induk itu boleh runtuh seperti mana pernah kuat. Ini yang pernah

dikupas oleh Abdul Ahmad Ibnu Khaldun dalam mukadimah dan kita harus hadam.

9. Kita mampu mengangkat darjat *Karamah Insaniah* dengan tamadun tinggi tetapi kita boleh dirobuhkan kerana ada keselesaan yang diamanahkan kepada pemimpin-pemimpin, yang kita amanahkan kepada penguatkuasaan, kita amanahkan kepada badan siasat umpamanya kalau tidak dapat menyempurnakan tugas mereka, maka bibit-bibit keruntuhan akan mengheret kekuatan itu menjadi lemah.
10. Ini yang disebut tentang *the Rise and Fall of Empires*. Sama ada *Edward Gibbon's* yang bercakap soal *Roman Empire* ataupun Ibnu Khaldun tentang negara-negara Islam di Utara Afrika atau kemudiannya mengenai *the cyclical theory of civilization*. Kita mahu Melayu dan umat Islam Malaysia sebagai tonggak dan asas kekuatan negara, bersama dengan rakan-rakan kita Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain supaya dapat diangkat semula tetapi dengan menekankan soal nilai supaya negara ini dapat diselamatkan dari segi kebobrokan.
11. Tidak boleh kita biarkan hasil tanah, hasil galian, hasil balak, hasil saham, hasil projek, hasil kontrak itu dibolot

oleh segelintir kecil secara haram dan ini saya tekankan di hampir setiap kali saya sampaikan ucapan. Bagi saya kalau amanah ini diberikan, apakah tanggungjawab saya yang terbesar?

12. Tanggungjawab besar saya, dan saya minta, merayu kepada rakan rakan keluarga KDN kerana ini adalah penting dengan kerjasama dan dukungan dari saudara, maka ini boleh kita capai. Apakah ia? Membersihkan negara daripada kecurangan yang dirosakkan oleh golongan yang menggunakan kuasa untuk memperkayakan diri, keluarga serta kroni mereka. Ini bukan tugas yang ringan.
13. Saya diberitahu rakan-rakan pasukan keselamatan dalam perisikan Polis Diraja Malaysia bahawa untuk cuba menerobos seperti mana yang terlibat dalam kegiatan membanteras rasuah, membanteras penyalahgunaan dadah, narkotik dan jenayah komersial, semua ini seperti yang sudah maklum bukanlah suatu perkara yang mudah.
14. Bahagian Perkastaman sempadan Thailand baru-baru ini bertindak tegas menghalang penyeludupan minyak ke Thailand, impaknya mereka telah dilontar dengan *Molotov cocktail* di rumah dan bangunan, mereka juga dikejar dan

diganggu.

15. Maknanya untuk melakukan kebaikan Ma'ruf itu tidak semestinya mudah dan kalau kita kekalkan sistem bobrok dan mengizinkan penyeludupan, mungkin mereka akan selamat dan akan mendapat habuan tambahan.
16. Saya tabik hormat kerana majoriti rakan-rakan kita dalam bidang penguatkuasaan sama ada polis, imigresen, kastam dan lain-lain menjalankan tugas mereka dengan memuaskan dan saya doakan kepada Allah SWT agar mereka diberi kekuatan untuk bekerja menyelamatkan diri mereka, keluarga mereka dan negara tercinta daripada hal yang tersebut.
17. Saya juga baca tentang baru-baru ini bagaimana penyeludupan besar dadah ke Australia. Yang mengaibkan kalau dibuktikan sah ialah penyeludupan besar-besaran itu dari Pelabuhan Klang. Soalnya bagaimana ia boleh berlaku dalam sistem yang canggih sekarang, boleh dibolos sebegitu besar jumlah penyeludupan dadah dari pelabuhan Klang.
18. Jadi saya sudah minta pihak kastam yang bertanggungjawab memberi laporan penuh tentang

punca apa yang berlaku, bagaimana 12 atau 16 kali hal yang demikian berlaku dan kemudian ditangkap di Australia. Ini menunjukkan kelemahan yang kita mesti atasi. Saya minta polis terutama bahagian siasatan jenayah dan bahagian siasatan jenayah komersial bersama-sama menyiasat perkara ini untuk tempoh satu minggu, kita mahu laporan penuh dan lengkap untuk memastikan penyeludupan seperti ini boleh dihalang.

19. Ini bukan soal kecil, bukan soal ratusan juta wang, tetapi ini menunjukkan satu kelemahan dalam sistem kita. Dalam keadaan kita bicara soal tatakelola, pengurusan kerajaan yang baik, menentang rasuah dan penyalahgunaan kuasa, hal-hal ini masih berlaku dan oleh yang demikian kita tidak harus tolak ansur, kita harus mengambil tindakan yang keras terhadap penjenayah-penjenayah ini.
20. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyebut bahawa sebagai penghargaan kepada penjawat awam termasuk pasukan keselamatan, saya telah umumkan beberapa langkah bantuan kepada mereka termasuk bantuan-bantuan menyambut Aidilfitri tetapi saya lihat terdapat sedikit kekeliruan. Ada orang mengatakan bahawa kita hanya memberi bantuan kewangan khas kepada

penjawat awam sebanyak RM 700 tetapi ini tidak benar.

Tahun 2023

- I. Bantuan khas kewangan Januari 2023 – RM 700;
- II. Bantuan khas Aidilfitri 14 April 2023 – RM 700; dan
- III. Kenaikan gaji khas yang berkuat kuasa Januari 2023 – RM 100 setiap bulan (12 bulan RM 1,200).

Jadi ini merupakan tambahan dalam satu tahun yang paling tinggi dalam sejarah.

21. Tadi di Pulau Pinang, saya umumkan, alhamdulillah lagi keras kita dalam usaha membanteras rasuah dan penyalahgunaan, dan hasil kita tidak semena-mena bertambah. Minyak tentunya, serta hasil yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah meningkat dan melonjak naik dalam masa dua tiga bulan ini, cukup tinggi dan angka akan kita umumkan kemudian.
22. Maknanya apabila kita lakukan satu sikap pendirian kita yang tegas, tauke-tauke besar, saudagar-saudagar kaya yang jarang-jarang membayar cukai penuh, sekarang didapati kesemua telah membayar cukai penuh kerana

kita menunjukkan sikap jangan tolak ansur. Orang bawah membayar cukai, orang kaya maha kaya cuba mengelak daripada membayar cukai. Kita bagi *signal* dua tiga bulan yang lalu dan hasil kita melonjak naik tinggi.

Saudara-saudara,

23. Saya sebut kepada penjawat awam kalau hasil begini meningkat begitu rupa, Insya-Allah kalau dalam tempoh 1-2 tahun keadaan ini berubah dengan pesat seperti mana kita lihat pelaburan daripada negara China, pelaburan dari Amerika Syarikat itu bertambah, saya memberi jaminan Insya-Allah, ekonomi kita akan meningkat baik dalam 1-2 tahun. Seterusnya keutamaan untuk menaikkan gaji dan elaun penjawat awam keseluruhannya boleh dipertimbangkan.
24. Saya juga umum tentang imam, siak dan sebagainya, tetapi saya nak sebut di sini satu contoh yang penting, walaupun orang cuba memainkan soal bantuan kepada pesawah padi. Kebetulan yang menguasai BERNAS itu Tan Sri Dato' Syed Mokhtar dan beliau adalah saudagar Melayu yang berjaya. Tanggungjawab kerajaan mestilah membantu supaya beliau kekal sebagai saudagar yang mampu membantu puluhan ribu anak-anak melayu yang

bekerja di bawahnya. Jadi saya undang beliau dan bertanya mengenai keuntungan BERNAS kerana kebetulan pesawah padi termasuk di Kedah ini adalah di antara yang paling miskin.

25. Jadi saya bertanya dan meminta sama ada boleh atau tidak jika dari segi hasil keuntungan dipulangkan kepada pesawah padi? Maka dalam rundingan itu beliau bersetuju. RM10 juta Disember tahun lalu dan RM50 juta tahun ini. Keseluruhannya, RM60 juta ringgit dan saya umumkan di dalam Belanjawan MADANI bahawa 30% keuntungan dari BERNAS akan dipulangkan kepada pesawah padi. Jadi maknanya ratusan juta ringgit boleh dipulangkan.
26. Ini keputusan politik yang penting. Saya boleh memilih untuk meminta RM300 juta untuk Tabung Keadilan atau Tabung Pakatan Harapan atau Tabung Anwar Ibrahim atau saya boleh pilih untuk menyatakan wang RM300 juta itu dipulangkan kepada pesawah padi, maka saya pilih pesawah padi dan bukan parti politik.
27. Jadi saudara-saudara harus faham, sebab itu saya katakan bahawa keputusan politik itu penting dan jangan diremehkan sikap kita dan jangan dipermainkan seolah-

olah apabila Tan Sri Dato' Syed Mokhtar memberi kepada parti RM300 juta, saudara mengatakan Alhamdulillah Allahuakbar. Tetapi apabila kita meminta untuk memberi kepada pesawah, kononnya kita telah menekan saudagar kaya Melayu. Ini naratif yang bahaya kepada masyarakat dan saya harap rakan-rakan di Kedah terutamanya, perlu faham mengapa saya tekankan hal yang sedemikian.

28. Kita juga memberi tambahan selain daripada itu kepada 850,000 pesawah, pekebun kecil getah dan nelayan. Kita tambah daripada RM600 menjadi RM800 tambahan untuk meringankan beban. Sementara sukarelawan beruniform termasuk sukarelawan bomba, polis, kita berikan RM300. Implikasi kewangan untuk bantuan ini bukan kecil iaitu RM240 juta.
29. Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih dan mengambil peluang ini kerana ini pertama kali dalam program di negeri Kedah selain daripada 2 acara awal untuk menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih terutama kepada KDN yang menganjurkan program pada malam ini dan PDRM yang menjadi tuan rumah. Terima kasih banyak atas persiapan yang permai ini. Mudah-mudahan Allah SWT berikan kekuatan kepada kita.

30. Saya mengumumkan bahawa Perdana menteri tidak akan mengadakan Majlis Aidilfitri di Seri Perdana Putrajaya kerana Jemaah Menteri memikirkan lebih baik kita turun ke bawah, jadi kita akan pergi ke setiap negeri untuk sambutan Aidilfitri sama ada yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri. Maka program pertama yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ialah di Alor Setar pada 29 April Insya-Allah.

Terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.